

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM**

MAJLIS PECAH TANAH PEMBANGUNAN RUMAH ALUMNI UTeM

**29 Februari 2024 / 12.00 tengah hari
Tapak Kokurikulum UTeM**

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirrahmanirahim

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur ke hadrat Allah S.W.T yang telah menganugerahi kita umur dan rezeki untuk berkumpul pada hari ini di **Majlis Pecah Tanah Pembangunan Rumah Alumni UTeM**. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Lembaga Pengarah, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan semua yang

meluangkan masa untuk hadir pada hari ini walaupun dalam kesibukan dengan urusan pekerjaan masing-masing.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian

2. Untuk makluman semua, cadangan bagi projek pembinaan rumah alumni ini sebenarnya **telah bermula pada tahun 2015** dengan melibatkan anggaran kos sebanyak RM2.2 juta. Walaubagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertangguh disebabkan kekangan kewangan dan juga perkara-perkara lain pada waktu tersebut. Alhamdulillah hasil usaha daripada PPAKG dan juga Pejabat HEPA dengan kerjasama yang sangat jitu dari Persatuan Alumni UTeM, projek ini dapat diteruskan semula pada tahun ini.

3. Pembinaan rumah alumni ini amat penting bagi menggambarkan pengiktirafan dan penghargaan oleh pihak pengurusan UTeM terhadap para Alumni sebagai sebahagian daripada keluarga besar UTeM. Pihak pengurusan tidak pernah mengenenpikan Alumni kerana kami percaya mereka merupakan komuniti yang mampu untuk menyumbang terhadap pembangunan UTeM. Untuk makluman semua, sehingga kini jumlah Alumni UTeM adalah seramai **42,086 orang** dan saya percaya dengan jumlah ini, UTeM dapat merealisasikan pelbagai perkara dengan kerjasama daripada Alumni UTeM.

4. Oleh yang demikian, UTeM melalui PPAKG sedang bergiat aktif dengan **mengumpulkan semula Alumni-Alumni UTeM** melalui sesi perjumpaan dan pengwujudan Chapter Alumni di setiap zon seperti di Sabah, Sarawak, Zon Timur dan baru-baru ini di Zon tengah yang telah diadakan di Putrajaya dan dihadiri oleh saya sendiri. Dengan adanya Rumah Alumni ini, kami percaya akan dapat mengembalikan aura Alumni UTeM serta secara tidak langsung menjadi satu lokasi untuk mereka berkumpul dan berbakti kepada UTeM dalam apa cara sekalipun.

5. Untuk makluman semua, projek pembinaan rumah alumni yang akan bermula pada tahun ini dianggarkan berjumlah **RM5 juta** di mana ianya berkonsepkan dewan yang boleh memuatkan seramai **1,000 orang** dalam satu-satu masa. Ini secara tidak langsung menepati keperluan universiti yang masih tiada ruang bagi penganjuran program yang mampu untuk memuatkan 1,000 orang peserta. Konsep pembinaan Rumah Alumni ini pula menggabungkan **elemen moden dan open-concept** dan ianya boleh dijadikan satu lokasi bagi tujuan **penjanaaan pendapatan** melalui sewaan yang boleh dibuat kepada pihak luar. Terdapat beberapa ruang utama seperti dewan konvensyen, bilik mesyuarat, ruang seminar dan sebagainya boleh digunapakai bersama.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

6. Untuk makluman semua, PPAKG juga turut dalam proses penjenamaan selaras dengan agenda pemerkasaan Alumni UTeM. **Penjenamaan semula Pejabat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG) kepada U-ACE (UTeM Alumni, Career and Employability)** diharapkan dapat meningkatkan komitmen dalam merencana dan melaksanakan pelbagai aktiviti serta program yang melibatkan alumni secara tidak langsung mengekalkan jalinan perhubungan sepanjang hayat yang konsisten di antara Alumni dengan Alma mater.

7. Saya percaya bahawa PPAKG/U-ACE memainkan peranan yang sangat penting sebagai **penghubung di antara universiti dengan alumni**. Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh PPAKG/U-ACE bagi tujuan tersebut seperti yang telah saya maklumkan sebelum ini iaitu perjumpaan dengan alumni di setiap Zon, penganjuran program bersama komuniti, sesi perkongsian antara alumni dan pelajar UTeM dan lain-lain. Peranan yang dimainkan PPAKG/U-ACE ini secara tidak langsung menyumbang kepada pencapaian universiti secara keseluruhannya.

8. Alumni memainkan peranan yang sangat penting dalam **membantu universiti untuk terus melonjak**. Melalui Pelan

Strategik UTeM 2023-2025, UTeM mensasarkan peningkatan dalam penglibatan Alumni UTeM untuk memperkasakan hubungan dan sebagai perantara dengan industri dan pasaran kerja. Alumni yang telah memasuki industri sudah semestinya mempunyai satu jaringan industri yang baik bersama syarikat-syarikat ternama dan mampu untuk membantu graduan-graduan UTeM dalam memperoleh pekerjaan. Ini secara langsung akan dapat menyumbang kepada **peningkatan peratusan kebolehpasaran graduan UTeM.**

9. Keterlibatan alumni juga memainkan peranan dalam penarafan UTeM di dalam ranking dunia. Sekarang UTeM

berada di tangga 1201 – 1400. Sasaran UTeM untuk menjadi yang pertama di kalangan MTUN dan top 100 di dunia. Inshaallah.

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin memohon untuk alumni dapat memberikan sumbangan melalui tabung sumbangan bagi merencanakan lagi aktiviti yang melibatkan alumni-alumni di UTeM. Sumbangan yang diberikan tidak semestinya dalam jumlah yang besar kerana dengan jumlah Alumni seramai lebih daripada 40,000 orang, RM10 mahupun RM1 seorang/sebulan sudah memadai. Sesungguhnya sumbangan yang diberikan oleh Tuan-Tuan dan Puan-Puan adalah amat bermakna bagi pembangunan

UTeM seterusnya membantu pelajar-pelajar yang memerlukan dalam menjalani aktiviti pembelajaran.

Pohon delima rendang berbuah,
Hinggap kenari di hujung dahan;
Sepadu UTeM penghubung ukhuwah,
Sepadu Alumni pembawa kejayaan.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih